

SEMINAR KEBANGSAAN
ADAT PEPATIH &
WILAYAH BUDAYA
NEGERI SEMBLAN


3 - 5 · MEI · 1984

DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.

KRISIS KEPIMPINAN DI LUAK TANAH
MENGANDONG:
SATU KAJIAN KES DI LUAK ULU MUAR.

oleh:

ABD. AZIZ HITAM



Anjuran Bersama:

Universiti Pertanian Malaysia,
Kerajaan Negeri Sembilan, dan
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan, Malaysia.

KRISIS KEPIMPINAN DI LUAK TANAH MENGANDONG:
SATU KAJIAN KES DI LUAK ULU MUAR.

OLEH

ABD. AZIZ HITAM
PUSAT PENGAJIAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.

PENDAHULUAN

Adat Perpatah adalah satu peraturan hidup yang merupakan satu kawalan sosial dan juga merupakan satu sistem kekerabatan yang amat liberal dan menyeluruh. Bagi penduduk Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatah mereka tidak dapat menghindarkan diri dari pengaruh dan peranan adat itu yang telah membendung masyarakat Negeri Sembilan sejak beberapa kurun yang silam.

Keadilan adalah merupakan satu aspek yang amat dipentingkan dalam Adat Perpatah:

Ibarat menarik rambut dalam tepong

Rambut jangan putus

Tepong jangan terserak

Pepatah ini menunjukkan kehalusan cara seseorang ketua bertindak dalam menyelesaikan sesuatu krisis dikalangan anak-anak buahnya masing-masing dengan cara yang begitu halus dan tinggi nilai budinya. Ini akan memberi kesan yang negatif kalau seseorang ketua itu tidak bijak menyelesaikan sengkita yang timbul.

KRISIS KEPIMPINAN DI LUAK TANAH MENGANDONG:
SATU KAJIAN KES DI LUAK ULU MUAR.

OLEH

ABD. AZIZ HITAM
PUSAT PENGAIJIAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA.

PENDAHULUAN

Adat Perpateh adalah satu peraturan hidup yang merupakan satu kawalan sosial dan juga merupakan satu sistem kekerabatan yang amat liberal dan menyeluruh. Bagi penduduk Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpateh mereka tidak dapat menghindarkan diri dari pengaruh dan peranan adat itu yang telah membendung masyarakat Negeri Sembilan sejak beberapa kurun yang silam.

Keadilan adalah merupakan satu aspek yang amat dipentingkan dalam Adat Perpateh:

Ibarat menarik rambut dalam tepong

Rambut jangan putus

Tepong jangan terserak

Perpatah ini menunjukkan kehalusan cara seseorang ketua bertindak dalam menyelesaikan sesuatu krisis dikalangan anak-anak buahnya masing-masing dengan cara yang begitu halus dan tinggi nilai budinya. Ini akan memberi kesan yang negatif kalau seseorang ketua itu tidak bijak menyelesaikan sengkita yang timbul.

Walau bagaimanapun krisis di dalam adat itu tetap tidak dapat dilakukannya sebagaimana yang terjadi di dalam masyarakat lain juga. Apabila berlaku sesuatu krisis maka cara untuk mengatasinya persoalan itu terpaksa juga mengikut saluran-saluran adat juga. Ada berbagai-bagai bentuk konflik sebenarnya yang berlaku, tetapi yang harus dipertanggungjawabkan ialah pemakai-pemakai adat itu sendiri, kerana adat itu tetap murni dan sesuai sebagai panduan hidup bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-hari. Malahan Adat Perpateh itu dapat disesuaikan dengan apa zaman sekali pun kerana perbilangannya mengatakan:

Ibu adat ialah muafakat
Usang-usang diperbaharui
Yang lapok disokong
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang
Melihat contoh pada yang lampau
Melihat tuah pada yang menang
Yang senteng dilabuhkan
Yang panjang dikerat
Yang rumpang disisit

Perbilangan di atas amat lengkap dan padat untuk menyesuaikan Adat Perpateh mengalami cabaran zaman.

KRISIS ADAT

Kajian ini akan memperlihatkan pada pembaca satu contoh krisis kepimpinan dalam adat yang berlaku dikalangan pemakai-pemakai Adat Perpateh. Krisis yang dibicarakan ini dapat dianggap sebagai krisis yang

agak besar berlaku di Negeri Sembilan diperingkat Perut¹ dan Suku². Krisis diperingkat Perut dan Suku agak sering terjadi, tetapi biasanya krisis itu adalah dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat.

Krisis yang dimaksudkan ini telah berlaku di Suku Seri Lemak Minangkabau di dalam Luak Ulu Muar(daerah Kuala Pilah), sejak tahun 1968 dan hingga sekarang masih belum selesai.

Krisis ini tidak melibatkan seluruh perut-perut dalam Suku Seri Lemak Minangkabau tetapi adalah tertumpu diantara perut Mertang dengan perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh (Ulu Juaseh) yang melibatkan Datok Lembaga serta buapak.

LUAK TANAH MENGANDUNG

Untuk lebih memahami keadaan krisis itu nanti, ada baiknya jika di terangkan sedikit struktur Luak Tanah Mengandung yang ada kaitannya dengan konflik dalam Suku Seri Lemak Minangkabau itu. Luak Tanah Mengandung adalah bermakna luak yang dikuasai di bawah D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar Seri Menanti. Luak Tanah Mengandung ini adalah lebih

-
- 1 Perut ialah anggota-anggota yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas dan mereka itu juga pula berasal dari satu nenek moyang yang sama.
 - 2 Suku ialah hubungan kekeluargaan antara perut-perut yang ada dalam suku-suku. Ini bererti beberapa buah perut membentuk satu suku yang dipimpin oleh seorang ketua dipanggil Datok Lembaga.

rapat lagi pertaliannya dengan istana daripada Luak Undang. 'Mengandung' yang memberi maksud 'tanah ibunda' (mother land); maknanya dalam kontek moden bererti tempat dimana Yamtuan bersemayam di bawah lindungan penghulu yang empat. Luak Tanah Mengandung mengandungi Luak Muar, Luak Terachi, Luak Jempul dan Luak Gunung Pasir. Tiap-tiap luak itu diketuai oleh seorang besar adat yang dinamakan Penghulu Luak.

Luak Ulu Muar mengandungi 12 orang Lembaga kerana ia mempunyai 12 suku didalamnya; Luak Terachi mengandungi 6 orang Lembaga; Luak Jempul mengandungi 6 orang Lembaga dan Luak Gunong Pasir juga mengandungi 6 orang Lembaga. Krisis-krisis kecil diperingkat perut akan diselesaikan oleh buapak. Kalau krisis itu lebih besar lagi maka perkara itu akan dibawa kepada Lembaga, dan seterusnya mengikut saluran-saluran adat.

LATAR BELAKANG KRISIS

Empat perut yang dibicarakan di dalam krisis adat ini ialah terdiri dari perut-perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh (Ulu Juaseh). Menurut beberapa orang yang bertanggungjawab dalam adat di dalam kawasan ini, keempat-empat perut yang dinyatakan tadi adalah asalnya tertakluk di bawah kuasa Luak Gunong Pasir.

Menurut beberapa sumber, pada suatu masa (tidak diketahui tarikhnya) pembahagian semula telah dibuat antara Luak Gunong Pasir dan Luak Muar. Sempadan yang menetapkan pembahagian itu ialah mengikut: 'Alur naga dan bangkung berderet, kiri mudek Luak Gunong Pasir, kanan mudek Luak Ulu Muar'. Dengan pembahagian sempadan yang baru ini maka perut-perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Ulu Juaseh (Ulu Juaseh adalah pecahan dari perut Galau) telah jatuh ke dalam Luak Ulu Muar dan tidak lagi lah di-bawah Luak Gunong Pasir.

Keadaan yang demikian telah membuatkan perut yang empat tadi dianggap menumpang sahaja dalam Luak Ulu Muar dengan bernaung di bawah Lembaga Datuk Senara Muda. Keempat-empat perut tadi telah bersatu dengan perut Mertang (perut pecahan Tek Puteh) dengan diketuai oleh seorang buapak yang bergelar Setia Muda.

Sejak pembahagian itu maka keempat-empat perut tadi telah hidup bersama-sama sebagai satu keturunan dengan perut Mertang sebagai satu waris. Menurut Adat Perpateh orang-orang yang satu waris adalah dilarang berkahwin, kerana mereka dianggap satu keturunan. Tetapi lama kelamaan penghuni-penghuni perut Mertang dan perut yang empat tadi telah melanggar pantang larang adat dengan berkahwin antara mereka. Anak-anak buah dari Mertang dan keempat perut tadi telah banyak melakukan perkahwinan atau semenda menyemenda. Hal ini tentu saja sudah melanggar adat andainya mereka menganggap diri mereka sewaris. Menikah sewaris adalah merupakan satu kesalahan besar dalam Adat Perpatih. Tetapi semenda menyemenda itu telah berlarutan hingga beberapa lama.

Atas dasar inilah maka anak-anak buah dari Perut Galau dan lain-lain tadi merasakan bahawa mereka masih dianggap menumpang juga lagi pada perut Mertang. Perasaan itu ditambah lagi apabila ada anasir-anasir yang mengatakan bahawa anak buah keempat-empat perut tadi tiada berhak untuk menyandang pesaka Lembaga Senara Muda. Mereka cuma layak memegang jawatan buapak sahaja. Dalam kata lain perut yang empat itu mempunyai status yang lebih rendah dari perut Mertang. Kedudukan mereka tidaklah sempurna di bawah naungan Lembaga Senara Muda.

Untuk mendapatkan status yang sewajarnya waris-waris dari perut Galau telah mewakili perut-perut yang lain untuk berunding dengan Penghulu

Luak Muar berkenaan kedudukan mereka di bawah naungan Datuk Senara Muda. Bagaimanapun Penghulu tersebut masih lagi memberi pengakuan bahawa keempat-empat perut itu adalah sewaris dengan perut Mertang. Tetapi pengakuan demikian tidaklah memberi apa-apa kesan. Anak-anak buah antara Mertang dan perut yang empat tadi masih juga meneruskan kahwin sewaris (terutamanya antara Galau dan Mertang).

Keadaan makin meruncing apabila Datuk Senara Muda Haji Lateh telah meninggal dunia pada 1965. Apabila pemilihan Datuk Senara Muda yang baru dijalankan pada tahun 1966 buapak-buapak Suku Seri Lemak Minangkabau dari perut Parit, Mertang, Seri Menanti dan Pilah telah sebulat suara mengatakan bahawa perut Galau dan perut-perut yang tiga lagi itu tidak dibenarkan untuk bertanding. Perut-perut Galau dan 3 lagi itu adalah dikatakan tidak berhak menuntut pesaka Lembaga Senara Muda atas alasan mereka adalah orang yang mendatang dan menumpang. Perut Galau tidak dianggap sewaris dengan mereka. Inilah yang telah menjadi punca dari konflik yang berlaku.

PERLUCUTAN JAWATAN BUAPAK GALAU

Setelah pemilihan jawatan Datuk Senara Muda dijalankan maka pesaka itu telah jatuh kepada seorang tokoh baru dari perut Parit iaitu Muhammad Pilus bin Maaris. Beliau teruslah menjalankan tugasnya sebagai Datuk Senara Muda iaitu lembaga waris Seri Lemak Minangkabau Luak Muar.

Sejak dahulu lagi (1960) jawatan buapak perut Mertang, Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Ulu Juaseh adalah dipegang oleh Setia Muda Abu Samah bin Ali dari perut Galau. Satu peristiwa yang menggemparkan telah

berlaku apabila Datuk Senara Muda Pilus memegang jawatan. Beliau telah mengesahkan jawatan seorang buapak lagi dari perut Mertang iaitu Md. Nor bin Pilus. Perlantikan buapak yang baru itu dengan secara tidak langsung telah menidakkan kedudukan buapak Setia Muda Abu Samah. Tindakan ini tentu sajalah menimbulkan tidak puas hati dikalangan anak buah yang dianggap menumpang itu selama ini. Mereka terasa begitu terhina dan tidak dikehendaki. Implikasi dari perlantikan buapak baru ini adalah juga bererti bahawa perut-perut Galau, Kg. Umor dan Ulu Juaseh itu tidak berhak menyandang pusaka buapak apatah lagi pusaka lembaga. Mereka merasai bahawa waris-waris mereka tiada berpusaka. Ini adalah dayus dari sisi masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan.

Disamping itu pula perut Mertang tetap teguh dengan prinsip mereka untuk mendapatkan jawatan buapak itu. Ada juga anasir mengatakan bahawa orang-orang dari perut Galau adalah tidak layak bersama-sama mereka kerana perut ini adalah dianggap dari keturunan dari hamba abdi. (Sejauh mana kenyataan itu benar tidak dapat disahkan kerana tiada bukti-bukti yang nyata).

BANTAHAN

Untuk mengatasi konflik yang terjadi itu maka satu perjumpaan ramai telah diadakan di rumah tua Galau antara perut-perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh. Perjumpaan pertama itu telah diadakan pada 27hb. Julai, 1968 jam 9.00 malam yang dihadiri oleh kira-kira 60 orang. Perbincangan pada malam itu adalah keseluruhan tentang lantikan buapak baru dari perut Mertang yang dilantik tanpa pengetahuan perut-perut yang lain. Hadirin yang terdiri dari "tempat semenda seadat" dan

'orang semenda yang seresam' telah berasa begitu kesal atas pengesahan Datuk Senara Muda Muhammad Pilus ke atas lantikan buapak Md. Nor bin Pilus itu, sedangkan buapak Setia Muda Abu Samah masih ada lagi, dan tiada cacat celanya.

Hadirin pada malam itu telah sebulat suara setuju membuat keputusan iaitu membuat bantahan terhadap lantikan Datuk Senara Muda ke atas buapak yang baru, dan menerima kembali buapak Setia Muda Abu Samah Ali iaitu buapak perut Galau, Mertang, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh sejak 1960. Malam itu juga telah dideraf satu surat bantahan kepada Datuk Senara Muda. Antara lain surat itu berbunyi:

'Oleh sebab buapak yang lama (Setia Muda Samah bin Ali) masih lagi kami akui sebagai buapak sehingga hari ini. Nampaknya sekarang ini telah berlakulah pantang adat 'satu kapal dua nakhoda, sebatang enau dua sigai, satu waris dua buapak'. Mengikut kata adat 'pesaka yang satu sebagai Buapak, pecat hidup kerelaan dan pecat mati berkerapatan waris pesaka dan waris-waris adat'. Sebagaimana jua kata perbilangan 'Yang patah tumbuh dan yang hilang berganti'. Sekarang ini belum patah berganti yang mana akibatnya amat mendalam dirasakan oleh anak-anak buah Datuk. Perpecahan dan keretakan dalam waris ini tidak dapat dielakkan, tambahan pula perut Mertang dan Galau ini saling semenda menyemenda antara satu dengan lain.'³

Selain dari isi yang disebutkan di atas tadi surat itu adalah meminta Datuk Senara Muda menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di dalam waris itu. Disamping itu pula surat itu menyatakan penolakan perut Galau dan lain-lain tadi ke atas perlantikan buapak yang baru itu, dan masih mahu mengakui buapak yang sedia ada.

3 Surat ini ditandatangani oleh wakil anak buah-anak buah Seri Lemak Minangkabau perut Galau, Jumbang dan Mertang (tandatangan itu tidak dapat dibaca - penulis), bertarikh pada 31hb. Julai, 1968.

Satu surat lagi telah dihantar kepada Datuk Senara Muda pada 7hb. Oges, 1968 oleh anak buah-anak buah perut Galau, Jumbang dan Kg. Umur Ulu Juaseh untuk memberitahu bahawa mereka akan berkunjung ke rumah beliau pada hari Sabtu 10hb. Oges, 1968. Tujuan rombongan itu adalah untuk berkenalan dengan Lembaga Datek Senara Muda yang baru itu, dan juga untuk mengemukakan bantahan atas lantikan buapak yang baru disahkan oleh beliau. Rombongan itu dikatakan akan sampai ke rumah Datuk Senara Muda di Kg. Parit pada pukul 4.00 petang.⁴

ROMBONGAN KE RUMAH DATOK LEMBAGA

Pada 10hb. Oges, 1968 lebih kurang 80 orang anak-anak buah dari suku Seri Lemak Minangkabau yang terdiri dari perut Galau, Jumbang, Kg. Umur dan Ulu Juaseh telah berarak ke telapak Datek Senara Muda yang diketuai oleh Ahmad bin Manser. Perarakan itu telah membawa surat bantahan yang bertulis jawi, dan dibawa oleh seorang wanita bernama Zainab binti Hj. Cik Wan. Surat bantahan itu telah dibalut dengan kain songket benang mas merah mengikut adat tradisional.

Rombongan tersebut berharap agar Datuk Senara Muda dapat menyelesaikan kekeruhan yang telah berlaku diantara anak buahnya. Disamping itu juga mereka meminta supaya Datuk Senara Muda akan mengiktirafkan semula waris-waris empat perut itu duduk bernaong di bawah beliau dengan mendapat hak-hak yang sama seperti perut Mertang, Parit, Seri Menanti dan Pilah. Malangnya rombongan itu tidak dapat menyampaikan surat bantahan

⁴ Surat tersebut telah ditandatangni oleh Raja Pahlawan Abd. Rahman bin Jawa, dan dihantar dengan A.R. Register.

itu kerana Datuk Senara Muda tidak ada di rumah. Sewaktu rombongan itu sampai beliau dan keluarganya berada di Kuala Lumpur. Rombongan itu berasa begitu kesal dan hampa kerana kedatangan mereka tidak dinanti, walaupun sudah diberitahu tentang kedatangan rombongan itu dengan A.R. Register.

Disini ada dua kemungkinan berlaku: Pertamanya Datuk Senara Muda sengaja mengelakkan diri dari berjumpa dengan anak-anak buahnya yang datang membawa masalah yang sukar diselesaikan. Keduanya ialah mungkin surat dari rombongan itu terlalu lewat sampainya ke tangan Datuk Senara Muda, kerana surat yang dihantar itu bertarikh 7hb. Ogos, sedangkan mereka mahu datang pada 10hb. Ogos. Justru itu mungkin Datuk Senara Muda sudah mempunyai rencana yang lain; atau mungkin beliau tidak sanggup menerima tetamu yang begitu ramai secara mendadak kerana tidak sempat bersedia.

Anak-anak buah dari empat perut yang gagal menemui lembaganya itu tidak berpuas hati. Mereka terus membuat tindakan yang lebih positif lagi. Perjumpaan-perjumpaan terus diadakan di rumah tua Galau lagi dengan diwakili oleh anak-anak buah dari perut Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh. Dalam perjumpaan yang tidak begitu penting atau yang dibuat secara tiba-tiba wakil-wakil dari Juaseh tidak dapat menghadirinya, kerana mereka adalah agak jauh dari Kg. Galau. Namun demikian segala perkembangan-perkembangan baru sentiasa diberitahu kepada pihak Juaseh, dan pihak Juaseh juga menyetujui semua keputusan dan saranan yang dibuat di Galau.

Antara lain keputusan yang diambil ialah membentuk sebuah jawatankuasa

bertindak yang dipengerusikan oleh Lebai Yusof bin Bahali. Jawatankuasa telah memutuskan untuk pergi mengadap Datuk Penghulu Luak Muar di balainya Kg. Talang-kira-kira 9 batu dari Kg. Galau.

Pada 23hb. Ogos, 1968 satu rombongan seramai lebih kurang 40 orang wakil empat perut tadi telah pergi mengadap Penghulu Luak Muar, Datuk Setia Maharaja Lela Pahlawan yang diketuai oleh Alias bin Buyong iaitu seorang guru Sekolah Kebangsaan. Alias bin Buyong telah menerangkan keadaan yang telah berlaku dalam waris Seri Lemak Minangkabau tentang peristiwa pengesahan seorang buapak baharu oleh Datuk Senara Muda dari perut Mertang tanpa membawa perundingan dengan perut-perut yang lain. Juga diterangkan tentang status perut yang empat itu tiada dibenarkan menyandang pesaka lembaga. Penghulu Luak Muar telah menyatakan bahawa beliau tidak dapat menyelesaikan perkara itu. Melainkan Datuk Senara Muda sendirilah yang dapat menyelesaikannya. Jadi pengaduan kepada Penghulu Luak Muar itu tidak memberi penyelesaian kepada perkara yang dibentangkan.

REAKSI DARI DATUK SENARA MUDA

Didalam suratnya kepada perut Galau dan waris-warisnya Datuk Senara Muda telah menerangkan beberapa hal mengenai krisis adat sebagaimana yang tersiar didalam akhbar Utusan Zaman bertarikh 11 hb. Ogos, 1968. Beliau telah mengirimkan keputusan perjumpaannya dengan buapak-buapak Parit, Mertang, Seri Menanti dan Pilah. Perjumpaan mereka itu telah juga dihadiri oleh Datuk Setia Maharaja Lela Pahlawan, Penghulu Luak Muar. Antara lain Datuk Senara Muda telah menyatakan beberapa pendapat nya didalam surat itu:

A. Kedatangan rombongan dari perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh pada 10hb. Ogos, 1968 adalah dianggap menceroboh, menyalahi undang-undang adat dan negeri, kerana tiada izin tuan rumah dan berlagak sesuka hati seperti mengambil gambar dalam rumah dengan bebas. Kedatangan rombongan perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh tidak dinanti adalah kerana:

- i. Memberitahu dengan surat A.R. Register itu tidak kena pada tempatnya.
- ii. Surat yang dikirim itu adalah surat salinan.
- iii. Surat itu tidak ditandatangani.

Datuk Senara Muda menganggap surat itu adalah surat palsu yang ditulis oleh orang yang tidak mahu bertanggungjawab dan tidak berfikiran waras. Dengan itu beliau telah mengambil keputusan tidak melayankan tujuan surat itu. Tambahan pula kata beliau lagi, pada 10hb. Ogos ia ada urusan menghadiri istiadat menghantar cincin anak saudaranya di Kuala Lumpur.

B. Jawatan buapak yang disandang oleh Abu Samah bin Ali telah jatuh dengan sendirinya kerana ia derhaka dan engkar kepada tanggungjawabnya sebagai Buapak. Beliau telah meninggalkan anak-anak buahnya dan masuk bertanding dalam pemilihan Lembaga. Kejatuhan kebuapakannya itu telah disahkan oleh Penghulu Luak Tanah Mengandung, kerana adat berkata: Sebulat suara anak buah menjadikan buapak, dan sebulat suara buapak menjadikan Lembaga, bukannya buapak menjadi Lembaga. Oleh kerana itu beliau tidaklah boleh lagi memegang jawatan itu lagi.

Surat Datuk Senara Muda itu juga menyatakan bahawa keempat-empat buapak yang bermesyuarat dengan beliau telah sebulat suara mengatakan yang

perut Galau dan waris-warisnya bukanlah keturunan Datuk Puteh atau Datuk Pandak.⁵ Buapak-buapak yang bermesyuarat dengan Datuk Senara Muda itu telah sepakat mengatakan bahawa empat perut itu (Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh) adalah cuma bernaong di bawah tadbiran Lembaga Datuk Senara Muda Luak Muar, iaitu sesudah pembahagian antara Luak Muar dan Luak Gunong Pasir.

Untuk membersihkan nama baik perut Mertang, buapak berempat yang bermesyuarat itu telah sebulat suara mencadangkan supaya dikeluarkan saja perut-perut Galau, Jumbang, K. Umor dan Juaseh itu dari bawah perentah buapak Setia Muda. Ini adalah bertujuan untuk membersihkan tuduhan bahawa anak-anak buah Mertang menyemenda dengan perut-perut yang empat tadi, iaitu kahwin sewaris.

Untuk menguatkan pendapat ini Datuk Senara Muda telah mengatakan bahawa Encik Rashid iaitu bekas buapak Mertang yang masa itu berada di Johor telah memberi penjelasan yang empat perut itu hanya bernaong di bawah tadbiran Lembaga Seri Lemak Minangkabau, dan anak buahnya tidak berhak menuntut pesaka Lembaga.

Itulah isi kandungan surat Datuk Senara Muda yang diterima oleh pihak perut Galau. Dari isi surat itu dapat dirumuskan bahawa Datuk Senara Muda sendiri memang kuat untuk mengenepikan anak-anak buahnya dari empat perut itu, dan menekankan bahawa mereka itu cumalah menumpang. Dari surat itu juga dapatlah diambil kesimpulan yang perut Galau dan

5 Datuk Puteh dan Datuk Pandak adalah dipercayai nenek moyang anak-anak buah Mertang dan Gunong Pasir.

waris-warisnya yang lain itu tidak mempunyai buapak lagi. Sebaliknya Datuk Senara Muda tidak membincangkan langkah-langkah untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku di kalangan anak buahnya.

Keputusan perjumpaan Datuk Senara Muda dengan buapak-buapak dari perut Mertang, Parit, Seri Menanti dan Pilah itu telah memranjatkan bagi pihak perut Galau dan tiga perut yang lain. Setia Pahlawan A. Rahman bin Jawa bagi pehak perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh telah merasakan kesalnya terhadap tindakan Datuk Senara Muda yang telah cuba memusingkan issue yang sebenarnya yang telah tersiar didalam akhbar Utusan Zamannya.

Didalam suratnya kepada Datuk Senara Muda, Setia Pahlawan telah menegaskan beberapa tuduhan Lembaga itu.

- i. Rombongan ke telapak Datuk Senara Muda itu tidak dianggap menceroboh kerana kedatangan mereka itu telah dihantar dengan surat, dan tiada pula diterima jawapan mengatakan Datuk Senara Muda tidak dapat menunggu kedatangan rombongan itu. Kedatangan mereka juga telah disambut baik oleh ibu mertua Datuk itu dan dipersilakan masuk walaupun rombongan itu enggan pada mulanya untuk masuk.
- ii. Tuduhan tiada mengikut aturan adat itu tidak dapat diterima kerana rombongan itu naik ke telapak Datuk Senara Muda dengan keizinan.

Rombongan telah membawa tepak sirih dan juga buah tangan.

Sedangkan tujuan rombongan itu juga adalah baik, iaitu minta jernihkan yang keruh.

iii. Pihak rombongan tidak pernah mengambil sebarang gambar dalam rumah Datuk Senara Muda. Gambar-gambar telah diambil oleh wakil Utusan Melayu.

iv. Berkanaan surat yang dihantar tidak ditandatangani itu, pihak empat perut telah mengakui sebagai satu kesalahan yang tidak disengajakan. Walaupun surat yang dihantar itu satu surat salinan (oleh kerana kesilapan juga) namun mereka menganggap itu adalah satu surat benar dan salinannya ada disimpan. Surat yang dihantar dengan A.R. Register itu adalah bertujuan supaya kedatangan mereka dipandang berat.

Selain dari itu surat dari Setia Pahlawan telah menyatakan kesalnya terhadap keputusannya yang diambil oleh Datuk Senara Muda. Walau bagaimanapun beliau telah mengucapkan terima kasih di atas cadangan Lembaga itu yang cuba hendak membuang empat perut tadi sari Suku Seri Lemak Minangkabau dan Luak Muar. Menurut pendapat perut Galau dan perut-perut yang tiada lagi tadi pembuangan perut yang empat itu akan menyenangkan perut-perut Mertang, Seri Menanti, Pilah dan Parit untuk menyandang gelaran pesaka Lembaga Senara Muda nanti.

Pendapat ini agak lojik juga kerana dengan pembuangan perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh itu nanti maka peluang bagi perut Mertang, Pilah, Seri Menanti dan Parit untuk mewarisi pesaka Lembaga Datuk Senara Muda adalah lebih besar lagi, dan akan berkurangnya persaingan.

Surat Setia Pahlawan itu seterusnya meminta supaya Datuk Senara Muda akan berfikir lebih panjang lagi dan jangan terpengaruh oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Beliau berharap supaya Datuk Senara Muda akan dapat mencari perpaduan dan bukannya perpecahan.⁶

MENGADAP PENYELIA ADAT KUALA PILAH (LUAK TANAH MENGANDUNG)

Setelah beberapa kali mengadakan mesyuarat tentang pengeluaran perut Galau dari bawah naungan Buapak Setia Muda oleh Datuk Senara Muda itu maka sampailah kepada satu keputusan. Keputusan itu ialah menerima pengeluaran dari tadbiran buapak Setia Muda dan Lembaga Datuk Senara Muda. Dengan itu bermakna perut Galau dan tiga yang lain itu tiada berbuapak lagi, dan juga tiada berlembaga lagi.

Tindakan seterusnya dibuat oleh perut Galau ialah mengadukan krisis adat itu kepada Penyelia Adat iaitu Tengku Lazamana Nasir. Satu rombongan seramai kira-kira 50 orang telah datang mengadap Tengku Lazamana pada 24hb. September, 1968 dalam satu istiadat di Balairong Seri Istana Besar Seri Menanti.

Antara lain yang turut hadir pada hari itu di Balairong Seri Istana Besar Seri Menanti ialah ketua-ketua adat istana iaitu Tengku Lazamana Nasir, Tengku Imam, Tengku Kecil Muda A. Rahim Alhaj, Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusuf, Datuk Raja Dewangsa Muhammad Yunus, Datuk Setia Bijaya Abd. Rauf dan Datuk Andatar.

6 Surat ini telah dihantar oleh Datuk Setia Pahlawan A. Rahman bin Jawa sebagai wakil perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh pada 8hb. September, 1968.

Jurubicara rombongan dari Galau Alias bin Buyong, telah membacakan surat berkenaan dengan tujuan kedatangan mereka, iaitu pengeluaran perut Galau dan tiga perut yang lain dari bawah naongan Lembaga Datuk Senara Muda. Surat itu kemudianya telah disembahkan kepada Penyelia Adat Tengku Laxamana Nasir. Perkara tersebut telah dibincangkan dengan panjang lebarnya oleh pihak pemegang adat istana. Pengeluaran Datuk Senara Muda terhadap perut Galau dan tiga yang lain adalah dianggap sah, dan perkara itu juga telah dipersetujui oleh pihak Galau.

Untuk menyelesaikan keadaan perut Galau yang tiada berbuapak dan tidak boleh menyandang gelaran lembaga itu satu perbincangan yang panjang dan teliti telah dijalankan pula. Tengku Laxamana Nasir telah meminta buah fikiran dari Anak-Anak Raja Bergelar dan juga Orang Empat Istana.

Datuk Penghulu Dagang Adam telah menyarankan supaya empat perut itu mengamalkan Adat Lingkungan sebagai satu alternatif untuk dapat menyelesaikan masalah. Raja Mohd. Nordin Alhaj juga telah memberi penerangan yang serupa dengan Datuk Penghulu Dagang. Saranan itu telah disokong oleh beberapa Orang Besar istana dan juga oleh Anak Raja Bergelar. Selanjutnya Tengku Imam dan Datuk Raja Dewangsa telah menerangkan peraturan-peraturan Adat Lingkungan.

Dalam perbahasan itu anak-anak buah dari perut Galau telah tertarik dengan cadangan-cadangan yang dibincangkan oleh pihak pemegang adat dan wakil-wakil ketua perut Galau itu. Akhirnya waris Galau telah bersetuju untuk masuk mengamalkan Adat Lingkungan. Walau bagaimanapun dengan pengakuan waris itu Tengku Laxamana Nasir telah memberi peluang untuk pulang berunding dahulu di kampung, supaya perkara-perkara yang tidak diingini jangan berbangkit. Titah Tengku Laxaman itu telah dipersetujui

ramai.

ADAT LINGKUNGAN

Ekoran cadangan dan nasihat Tengku Laxamana Nasir dalam mengamalkan Adat Lingkungan telah dibincangkan oleh anak-anak buah empat perut untuk mendapatkan kata sepakat dan rumusan yang sebulat suara, bulat air dek pembetong, bulat kata dek muafakat.

Satu perjumpaan ramai telah diadakan di rumah tua Galau pada 12hb. Oktober, 1968. Turut hadir pada perjumpaan itu ialah Orang Besar Empat Istana yang terdiri dari Datuk Penghulu Dagang Adam, Datuk Raja Dewangsa, dan wakil Anak Raja Bergelar iaitu Tengku Kecil Muda Abd. Rahim Alhaj.

Ketua-ketua adat yang diundang telah memberi penerangan berkenaan kedudukan waris empat perut yang ingin mengamalkan Adat Lingkungan itu. Pada hari tersebut juga telah diadakan satu undian untuk menentukan samada waris empat perut itu setuju atau tidak mengamalkan Adat Lingkungan.

Keputusan undian itu ialah majoriti bersetuju mengamalkan Adat Lingkungan, dengan majoriti 98%. Mereka yang tidak bersetuju adalah kira-kira dari empat keluarga yang mengandungi lebih kurang dua puluh orang. Gulungan minoriti ini adalah dari penduduk Galau sendiri. Mereka adalah menyokong pihak perut Mertang dan Lembaga Datuk Senara Muda. Oleh kerana majoriti inginkan masuk kedalam Adat Lingkungan maka keputusan itu tetap tidak berganjak. Untuk membuatkan keputusan itu lebih kongkrit lagi maka

waris-waris soko (kaum wanita) telah menurunkan tandatangan sebagai memberikan pengakuan yang sah. Tandatangan waris-waris soko yang ber-setuju mengamalkan Adat Lingkungan itu telah disembahkan kepada Penyelia Adat, Tengku Laxamana Nasir, pada 24hb. Oktober, 1968, di dalam satu istiadat di istana Tengku Laxamana Nasir sendiri. Satu perjumpaan dengan Y.A.M. Tengku Laxamana Nasir telah diadakannya sekali lagi pada 17hb. November, 1968 di Istana Besar Seri Menanti. Turut hadir pada perjumpaan itu ialah Y.A.M. Tengku Imam, Y.A.M. Tengku Kecil Muda dan Penghulu Luak Muar bersama seorang Lembaganya.

Datuk Senara Muda telah menerangkan bahawa beliau tidak pernah mengeluarkan anak-anak buah beliau dari tadbirannya, tetapi itu adalah cadangan dari buapak yang berempat dari Suku Seri Lemak Minangkabau, akibat dari tindak tanduk sebahagian dari anak-anak buah itu terhadap Lembaganya. Y.A.M. Tengku Laxamana telah menyerahkan kepada Datuk Senara Muda sendiri untuk menyelesaikan selisih faham itu. Datuk Senara Muda telah memberi tahu bahawa sebelum dibawa ke meja perundingan pihak yang bertanggungjawab didalam perut Galau dan waris-warisnya mestilah memenuhi syarat-syarat:

- i. Orang-orang yang bertanggungjawab dalam empat perut itu hendaklah menarik balik segala tuduhan-tuduhan terhadap beliau yang terdapat didalam akhbar, melalui akhbar juga.
- ii. Mereka mestilah mengaku dan sedar bahawa mereka adalah bernaong di bawah tadbiran Lembaga Senara Muda dan patuh kepada buapak-buapak yang empat.
- iii. Mereka hendaklah mengaku segala kesalahan yang mereka lakukan dan hendaklah menunaikan hukuman adat.

Datuk Senara Muda akan cuma setuju membawa apa saja tuntutan anak-anak buah beliau setelah syarat-syarat tadi dipenuhi. Namun demikian tidak

ada sebarang rundingan pun dijalankan antara Datuk Senara Muda dan anak-anak buahnya di Galau. Masing-masing tetap teguh dengan prinsip masing-masing. Sedangkan pihak perut-perut di Galau dan warisnya di Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh juga mahu keluar dari bawah naungan Datuk Senara Muda.

Satu rombongan telah diadakan sekali lagi dari Galau untuk mengadap D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan di Istana Hinggap Seremban pada 26hb. Februari, 1969 untuk membincangkan soal krisis adat itu. Rombongan ini telah diketuai oleh Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusuf. Rumusan perjumpaan itu ialah persetujuan Penyelia Adat menerima waris-waris Galau untuk masuk mengamalkan Adat Lingkungan. Perkara itu dipersetujui oleh Penyelia Adat untuk menyampaikannya kepada pengetahuan kerajaan Negeri Sembilan. Dengan itu juga Penyelia Adat telah mengesyorkan supaya seorang besar waris dilantik sebagai Lembaga perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh. Beliau telah memberi dua nama gelaran untuk dipilih iaitu:

- i. Datuk Maharaja Setia Bakti
- ii. Datuk Setia Raja Bakti.

Bagi memilih nama orang besar waris itu telah dipersetujui dengan memakai gelaran Datuk Maharaja Setia Bakti. Keputusan itu telah disampaikan kepada Penyelia Adat.

DATUK MAHARAJA SETIA BAKTI

Satu permufakatan telah dilakukan dan keempat-empat perut itu

telah dapat kata sepakat bahawa pesaka itu disandang oleh perut Galau dahulu; giliran kedua jatuh kepada Kg. Umor, giliran ketiga jatuh kepada Jumbang dan giliran keempat kepada Juaseh.

Setelah gelaran itu ditentukan maka anak-anak buah diperut Galau yang mendapat giliran yang pertama itu telah berunding pula untuk memilih ketua mereka yang akan menyandang pesaka Datuk Maharaja Setia Bakti. Setelah permuafakatan dijalankan maka Perut Galau telah sebulat suara untuk meletakkan gelaran itu kepada Alias bin Buyung, iaitu seorang guru sekolah kebangsaan yang berumur kira-kira 36 tahun. Selama pergolakan itu berlaku beliau adalah antara lain orang-orang yang banyak sekali menghabiskan masa untuk menyelesaikan kekusutan itu. Disamping itu beliau juga menunjukkan minat yang serius terhadap krisis adat yang sedang berlaku sejak beberapa bulan dikampung itu.

Kemuncak dari tindakan perut Galau dan waris-warisnya ialah istiadat peresmian secara besar-besaran empat perut Seri Lemak Minangkabau dari Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh keluar dari naongan Datuk Senara Muda dan mengamalkan Adat Lingkungan. Peresmian itu telah diadakan di rumah tua Galau pada 31hb. Januari, 1969, dan dihadiri oleh semua anak-anak buah dari empat perut itu. Bagi pehak ketua-ketua adat pula yang hadir ialah antara lain Penyelia Adat Tengku Laxamana Nasir, Anak-anak Raja Bergelar, Orang Besar Empat Istana dan beberapa orang Datuk Lembaga dari Luak Muar. Peresmian itu telah dijalankan dengan penuh istiadat tradisional yang sangat meriah sekali. Tengku Laxamana dalam titahnya pada hari peresmian itu telah memberi persetujuan atas lantikan orang besar waris kepada Alias bin Buyung dengan

gelaran Datuk Maharaja Setia Bakti. Beliau berjanji akan mengemukakan kepada pihak kerajaan dengan seberapa segera.

Pada 8hb. Februari, 1969 Tengku Laxamana telah menulis surat kepada Setia Usaha Kerajaan Negeri Sembilan meminta untuk digezetkan suku Seri Lemak Minangkabau Luak Muar perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh masuk ke dalam Adat Lingkungan. Antara lain surat itu menuliskan:

"Bahawa perut-perut dari suku di atas telah kami terima masuk memakai Adat Lingkungan dan keluar dari Suku Dua Belas. Dengan ini kami berharap kiranya dapat digezetkan sebagai yang dikanunkan didalam Warta Kerajaan Negeri Sembilan Vol. VIII No. 20 - 1960".

Berita empat perut yang keluar beramai-ramai dari Suku Dua Belas untuk mengamalkan Adat Lingkungan itu telah memeranjatkan seluruh penduduk Negeri Sembilan malahan telah tersebar di seluruh negara kerana berita itu telah disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan. Beberapa orang yang mengikut perkembangan krisis adat itu telah juga menimbulkan polimik di dalam akhbar Utusan Melayu. Diantara mereka ada yang berpendapat bahawa tindakan keluar dari Suku itu adalah satu langkah yang tidak bijak. Tetapi sebagai menangkis pendapat itu Datuk Maharaja Setia Bakti (Cik Gu Alias Buyung) telah menyatakan dalam satu sidang akhbar bahawa waris tiap-tiap suku itu ada ketuanya, sebagai perbilangan adat "anak buah berbuapak, buapak berlembaga, luak berpenghulu, alam

beraja". Oleh kerana perut-perut itu tiada mempunyai buapak dan tiada berlembaga, hanya menumpang saja maka itulah sebabnya mereka berbuat demikian.⁷

Tarikh 31hb. Januari, 1969 iaitu hari peresmian empat perut itu keluar dari bawah naongan Datuk Senara Muda adalah merupakan detik penting dari tindakan empat perut itu menuju ke arah pencapaian yang hak. Hari tersebut juga adalah menjadi satu peristiwa penting bagi kira-kira dua ribu orang penduduk dalam empat perut itu dalam mengalami satu pentadbiran adat yang agak baru bagi mereka.

TERTANGGUH

Semenjak empat perut yang diketuai oleh Datuk Maharaja Setia Bakti mengamalkan Adat Lingkungan beberapa bulan lamanya namun surat dari pihak kerajaan Negeri Sembilan belum juga lagi diterima mengenai menggezetkan empat perut itu.

Pihak kerajaan telah menangguhkan untuk menggezetkan empat perut itu mengamalkan Adat Lingkungan, kerana mengikut dari Datuk Setia Maharaja Bakti sendiri adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang menganggu empat perut itu mengamalkan Adat Lingkungan. Faktor-faktor itu adalah akibat protes dari gulungan kecil perut Galau yang tidak setuju dengan langkah masuk mengamalkan Adat Lingkungan.

7 "Kami hendak jaga maruah adat Perpatih" - Orang Besar Waris, Utusan Melayu, 8hb. Februari, 1969.

Dengan itu D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar telah menubuhkan jawatan kuasa menyiasat bagi pihak Dewan Keadilan. Setelah penyiasatan itu dijalankan maka pada 17hb. Januari, 1970 baharulah sepucuk surat dari Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan diterima (bertarikh 15hb. Januari, 1970). Surat itu menyatakan penerimaan D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar akan waris-waris empat perut itu mengamalkan Adat Lingkungan. Surat itu menyatakan juga bahawa Baginda telah berkenan mengurniakan gelaran Datuk Setia Maharaja Bakti kepada Alias bin Buyung sebagai Lembaga kepada empat perut itu. Surat itu dapat menyenangkan waris empat perut yang berasa ragu-ragu atas kewibawaan Lembaga mereka yang baru.

Pada 17hb. Februari, 1970 iaitu kebetulan ketika menyambut Hari Raya Aidiladha waris-waris empat perut itu (kira-kira 200 orang) telah mengiringi Datuk Maharaja Setia Bakti mengadap D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar di Istana Besar Seri Menanti. Istiadat pada hari tersebut adalah pengesahan Datuk Setia Maharaja Bakti oleh D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar. Turut hadir dalam majlis itu ialah Penolong Pegawai Daerah Kuala Pilah (Encik Sulaiman bin Mohd. Don), Ketua Polis (O.C.P.D.) Kuala Pilah, Anak-Anak Raja Bergelar, dan Orang Besar Empat Istana.

Dengan pengesahan pada hari tersebut oleh D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, maka Datuk Maharaja Setia Bakti dan pengikut-pengikutnya menganggap segala tindakan mereka telah tercapai.

Dengan penerimaan secara resmi dari Yang Di Pertuan Besar itu maka Datuk Senara Muda Pilus bin Maaris bagi pihak Suku Seri Lemak Minangkabau tidak lagi berkuasa terhadap pentadbiran anak buah empat perut tersebut. Penerimaan resmi itu juga bermakna bertambahnya bilangan perut yang ber-naong dan berlindung dalam lingkungan istana menjadi tujuh semuanya.

Perut-perut itu adalah terdiri dari :

- i. Seri Lemak Pahang (Senaling)
- ii. Seri Lemak Minangkabau (Peraku);
- iii. Batu Hampar Empat Puluh (Pelangai);
- iv. Tanah Datar (Gunung Pasir);
- v. Batu Hampar (Telapak);
- vi. Batu Hampar (Kg. Tengah); dan
- vii. Seri Lemak Minangkabau (Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh)

JAWATAN BUAPAK DAN LEMBAGA

Adalah dipersetujui ramai bahawa Buapak bagi perut-perut Galau, Jumbang dan Kg. Umor jatuh kepada Abu Samah bin Ali dengan gelaran Datuk Setia Raja. Beliau adalah bekas buapak yang lama yang telah dilucutkan gelaran beliau kerana perlantikan buapak baru oleh Datuk Senara Muda. Pengesahan beliau telah diadakan pada bulan Mac, 1970 oleh Tengku Alang Hanan, pemangku Penyelia Adat.

Buapak bagi perut Juaseh pula bergelar Datuk Paduka Raja telah jatuh kepada Haji Kojeng bin Ujang. Istiadat pengesahannya oleh Tengku Laxamana Nasir telah diadakan pada 24hb. Oktober, 1970.

Bagi Perut Juaseh terpaksa diadakan buapak yang berlainan kerana waris-waris di Juaseh itu adalah berjauhan dari tiga perut yang lain. Dengan itu seorang buapak adalah diperlukan untuk mengendalikan kerja-kerja adat disitu.

Untuk giliran menyandang gelaran pesaka pula undian telah diadakan di rumah pesaka di Galau. Keputusan untuk menerima giliran pesaka Lembaga Datuk Maharaja Setia Bakti adalah seperti urutan berikut: i. Perut Galau; ii. Kg. Umor; iii. Jumbang; iv. Juaseh.

PENUTUP

Walaupun tindakan yang dijalankan sudah sampai ke peringkat yang paling tinggi namun Tanah pesakat adat masih lagi belum digezetkan sebagai tanah Adat Lingkungan secara resmi. Apabila tanah adat pesaka tadi belum didaftarkan ke dalam Adat lingkungan maka segala pembicaraan tanah pesaka untuk memindahkan hak milik adalah tertangguh. Datuk Maharaja Setia Bakti telah beberapa kali menguruskan hal ini kepada Dewan Peng-adilan dan Undang-Undang, Setia Usaha Kerajaan, Pegawai Daerah Kuala Pilah dan juga kepada Yang Di Pertuan Besar supaya perkara itu di-segerakan.

Senarai nama waesis dan nombor-nombor tanah pesaka dalam empat perut itu telah diusahakan oleh Datuk Maharaja Setia Bakti dan buapak-buapaknya. ⁸

-
- 8 Dari senarai yang dikumpulkan itu, telah dicatatkan nombor-nombor tanah pesaka Suku Seri Lemak Minangkabau Lingkungan Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh.
Dari senarai itu terdapat 28 orang dari perut Galau dengan 50 keping tanah; 12 orang dari perut Kg. Umor dengan 21 keping tanah; 13 orang dari perut Jumbang dengan 24 keping tanah dan 29 orang dari perut Juaseh dengan 25 keping tanah.

Tengku Laxamana Nasir telah berangkat ke Galau pada 25hb. April, 1971 untuk mengambil tandatangan tuan-tuan tanah yang masuk Adat Lingkungan bagi tindakan untuk memasukkan tanah adat mereka ke dalam Adat Lingkungan.

Sehingga 31hb. Julai, 1972 Datuk Maharaja Setia Bakti masih lagi menulis surat kepada Setia Usaha Kerajaan Negeri Sembilan meminta pihak kerajaan menggezetkan tanah pesaka adat empat perut itu. Namun demikian tidak juga ada satu-satu keputusan yang muktamad. Dengan itu pada 2hb. Disember, 1973 Datuk Maharaja Setia Bakti telah mengutus surat kepada Yang Di-Pertuan Besar memohon agar dapat memasukkan tanah pesaka adat ke dalam gezet Adat Lingkungan (Dlm. N.S. Vol. XIII No. 20 - 1960) secepat mungkin.

Bagi jawapannya pihak Yang Di Pertuan Besar telah memanjangkan perkara itu kepada Penyelia Adat Luak Tanah Mengandung dan Pemungut Hasil Tanah Kuala Pilah. Tetapi nampaknya tiada juga apa-apa reaksi dari pihak kerajaan. Sehingga kajian ini ditulis masih lagi pendaftaran tanah adat Suku Seri Lemak Minangkabau yang empat itu ditangguhkan. Disamping itu pula selagi tanah itu tidak didaftarkan (digezetkan) selama itulah pula bicara tukar tanah pesaka adat waris tersebut tergendala.

Jika dipandang dari segi perjuangan penduduk-penduduk Seri Lemak Minangkabau perut Galau, Jumbang, Kg. Umor dan Juaseh untuk hak mereka mewarisi pesaka Lembaga, masih lagi menjadi tandatanya. Ketergantungan kedudukan Datok Maharaja Setia Bakti sebagai lembaga yang mempunyai wibawa seperti lembaga yang lain bolih menjaskan sebanyak 120 keping tanah adat yang dimiliki oleh waris-waris yang tinggal di perut Galau, Jumbang, Kg. Umur dan Ulu Juaseh. Ketergantungan ini juga bolih mengakibatkan pengabaian pembangunan tanah adat dan segala usaha projek-projek pembangunan akan tergendala oleh kerana kesukaran menentukan

pemilik tanah terutamanya apabila ramai yang sudah meninggal dunia. Dengan itu patut sekalilah semua pihak yang terlibat dalam krisis ini berusaha mengambil langkah yang positif demi kemajuan dan kesejahteraan masyarakat di Luak Tanah Mengandung dan Negeri Sembilan amnya.

Dari kajian ini dapatlah kita memerhatikan betapa besarnya peranan adat yang membendung masyarakat Adat Perpateh di Negeri Sembilan itu berpengaruh dalam kehidupan sehari-hari. Juga dapat kita memahami bagaimana masyarakat itu bertindak mengikut saluran-saluran adat yang tertentu, apabila berlaku satu-satu konflik.

Kajian ini walaupun tidak lengkap memperlihatkan krisis-krisis adat yang berlaku dalam masyarakat Adat Perpateh di Negeri Sembilan namun ianya dapat mewakili bentuk krisis yang pernah terjadi dalam masyarakat itu. Krisis adat dalam Luak Tanah Mengandung ini adalah merupakan satu contoh krisis adat yang penting yang pernah berlaku di daerah Kuala Pilah dan di Negeri Sembilan pada keseluruhannya.